

R. 0700 DAN
MAHATHIR - PULANG

KUALA TERENGGANU, 16 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH PULANG KE IBU KOTA HARI INI SETELAH MEMBUAT LAWATAN RASMI TIGA HARI KE TERENGGANU.

TURUT HADIR DI LAPANGAN TERBANG SULTAN MAHMUD DEKAT SINI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN KEPADA MEREKA IALAH MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DAN ISTERINYA, DATUK HAJAH AISHAHTON SUHAIMI, DAN SETIAUSAHA KERAJAAN, DATUK SETIA WANGSA ABDUL RAHMAN NASIR.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI TIBA DI LAPANGAN TERBANG DENGAN HELIKOPTER DARI PULAU PERHENTIAN, BESUT SETELAH BERMALAM DI SANA. KEDUA-DUANYA BERADA DI SANA UNTUK BERJUMPA DENGAN LEBIH 12,000 ORANG PENDUDUK DAERAH ITU.

SEMASA DI SINI BELIAU MERASMIKAN EXPO SEPULUH TAHUN PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU DI PADANG SILIRAN, DEKAT SINI RABU LALU. BELIAU JUGA TELAH MERASMIKAN LAPANGAN TERBANG KERTIH, KEMAMAN YANG BERTERANGAN RM75 JUTA SEMALAM.

PERDANA MENTERI DAN ROMBONGAN JUGA TELAH MELAWAT DERMAGA TIMUR TANJUNG BERHALA DAN KILANG BESI WAJA, PERWAJA TERENGGANU DI KEMAMAN.
-- BERNAMA

1216MST 16 08 85